

06 FEB 2001

Abdullah-Iraq

MALAYSIA CARI JALAN SEKATAN KE ATAS IRAQ DITARIK BALIK

PUTRAJAYA, 6 Feb (Bernama) -- Malaysia akan mencari jalan bagi membantu Iraq agar sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke atas negara itu ditarik balik.

Hasrat Malaysia itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada Menteri Luar Iraq Mohammed Said Al-Sahaf yang mengadakan kunjungan dan pertemuan dengan beliau di pejabatnya di sini hari ini.

Jurucakap Wisma Putra memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa Abdullah turut menyuarakan rasa dukacita Malaysia terhadap sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas Iraq itu kerana ia tidak mempunyai had tempoh tertentu.

Katanya, Malaysia memang tidak bersetuju dengan sekatan itu kerana ia bukan sahaja mendukacitakan, malah memberi mudarat dan menyebabkan ramai rakyat Iraq menderita.

Beliau berkata, dalam pertemuan hampir 45 minit itu, Abdulah dan Mohammed Said turut membincangkan perkara berkaitan hubungan dua hala termasuk dalam bidang ekonomi.

Jurucakap itu juga berkata Mohammed Said memberikan taklimat mengenai perkembangan terbaru di Iraq dan masalah yang dihadapi oleh rakyat negara itu akibat sekatan tersebut.

Katanya, Mohammed Said turut memberikan beberapa cadangan mengenai bantuan yang boleh diberikan oleh Malaysia bagi membantu rakyat Iraq.

Yang turut hadir dalam pertemuan itu ialah Duta Iraq ke Malaysia, Adnan M. Al-Ghazali.

Mohammed Said yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia, dijadualkan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

-- BERNAMA

HS ZS NMO